

21/03/2000

Usul potong gaji PM ditolak

DEWAN Rakyat menolak usul pihak pembangkang untuk memotong RM10 daripada gaji Perdana Menteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di bawah peruntukan Belanjawan 2000.

Keputusan menolak usul itu dicapai melalui undian belah bahagian setelah 29 anggota mengundi bersetuju manakala 68 anggota pula mengundi menolak usul itu. Keputusan undi itu diumumkan Timbalan Speaker Datuk Mohamad Abdullah.

Usul itu dikemukakan Mahfuz Omar (Pas-Pokok Sena) sebelum perbahasan Belanjawan 2000 di peringkat jawatankuasa dimulakan dan disokong Husam Musa (Pas-Kubang Kerian).

Usul itu menyebut bahawa perbelanjaan akan diluluskan dengan syarat sebanyak RM10 daripada belanja yang diperuntukkan kepada gaji Perdana Menteri dan Menteri-menteri di JPM dipotong.

Dua penyokong kerajaan Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin) dan Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) berucap membantah usul itu.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Mulia, berkata tindakan pembangkang mengemukakan usul itu hanya bertujuan politik dan berkepentingan peribadi, bukannya bagi manfaat rakyat.

"Cara pembangkang mengenengahkan usul ini menggambarkan kecacatan fikiran mereka dan nampaknya hanya bertujuan menunjuk-nunjuk kepada pemerhati di galeri awam bagi meraih simpati politik," katanya.

Mengenai dakwaan Mahfuz bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gagal melaksanakan tugasnya sebagai ketua badan pentadbiran kerana tidak menghadiri sidang Dewan Rakyat bagi menjawab soalan Ahli Parlimen, Pandikar Amin berkata:

"Tugas Perdana Menteri bukan sekadar menghadiri sidang Dewan Rakyat, sebaliknya beliau juga ketua eksekutif dan pentadbir negara.

"Dr Mahathir perlu melaksanakan tugas lain tetapi ia tidak bermakna beliau mengabaikan persidangan ini.

"Bagi mengatasi masalah itu, menteri serta timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri mewakili Dr Mahathir menyempurnakan tanggungjawab beliau di Dewan Rakyat bila tidak berkesempatan hadir," katanya.

Ketika membahaskan usul itu, Dr Jamaluddin berkata Dr Mahathir berjaya mentadbir negara dengan bijak, terutama ketika krisis ekonomi.

Ruhanie pula berkata usul tidak rasional itu hanya menggambarkan kedangkalan fikiran pembangkang dan tidak wajar diperbesarkan.

(END)